

Tonton video di bawah dan jawab semua soalan yang telah disediakan.



sarang	burung	makanan	umpan	mendayung	berputus asa
memancing	tasik	sampan	membalas jasa	cacing	bahagia

Pada suatu hari, terdapat seekor anjing yang bernama Putih. Putih tinggal bersama dengan tuannya di sebuah kampung yang sangat indah. Tuan Putih gemar memancing di _____. Pada suatu pagi, tuan Putih pergi memancing di sebuah tasik dan Putih turut mengikutinya. Mereka pergi menggunakan _____. Tuan Putih _____ sampan sehingga ke tengah tasik dan mula _____ di sana.

Tiba-tiba, terdapat seekor _____ terbang dan hinggap ke atas sampan mereka. Burung itu cuba untuk mengambil _____ yang terdapat di atas sampan mereka. Putih berasa tidak senang hati kerana cacing tersebut adalah sebagai _____ memancing tuannya. Lalu, Putih menghalau burung itu dari sampan mereka. Setelah beberapa kali burung itu mencuba, akhirnya burung itu _____. Burung itu balik ke _____ dan Putih baru menyedari sebenarnya burung itu ingin memberikan cacing sebagai _____ kepada anak-anaknya. Putih berasa serba salah terhadap tindakannya dan meletakkan cacing di penjuru sampan supaya burung boleh mengambil cacing itu. Burung _____ Putih dengan memberikan ikan kepada mereka.

Pengajaran yang kita dapat dari cerita ini ialah kehidupan kita akan menjadi lebih _____ sekiranya kita saling meringankan beban antara satu sama lain.